



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

07.06.2024

❖ **Pemegang saham minoriti digesa supaya menggunakan pertimbangan berhemat dalam tawaran pengambilalihan**

Lonjakan bilangan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (*merger and acquisition, M&A*) baru-baru ini dalam kalangan syarikat awam tersenarai (*public listed companies, PLC*) Malaysia boleh dikaitkan dengan keadaan pasaran yang mencabar.

Keadaan ini mendorong syarikat untuk bergabung atau mengambil alih syarikat lain dengan tujuan mencapai faedah sinergistik, skala ekonomi, pengembangan pasaran yang pesat, kemasukan ke pasaran baharu serta pempelbagaian produk dan perkhidmatan. Berikutan itu, banyak PLC disasarkan untuk M&A kerana pemegang saham pengawal berusaha untuk meletakkan semula perniagaan mereka dalam pasaran yang berkembang.

Pada bulan lepas, terdapat pelbagai tawaran pengambilalihan, termasuk:

- Pada 15 Mei, sebuah konsortium yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad menzahirkan hasrat mereka untuk menjadikan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebagai syarikat persendirian dengan menawarkan RM11 untuk setiap saham yang belum dimilikinya.
- Pada 27 Mei, NTT Data Japan Corporation (NTTD Japan) mengumumkan hasrat mereka untuk mengambil alih 58.73% pegangan dalam GHL Systems Berhad dengan harga pembelian kira-kira RM724 juta, bersama-sama tawaran mandatori untuk baki saham yang belum dimilikinya pada RM1.08 sesaham.

SOROTAN UTAMA

- Baru-baru ini, kami melihat beberapa PLC disasarkan untuk penggabungan dan pemerolehan, berikutan usaha pemegang saham pengawal untuk menempatkan semula perniagaan mereka dalam pasaran yang sedang berkembang.
- MSWG mencadangkan supaya pemegang saham minoriti menjalankan analisis menyeluruh sebelum bertindak balas terhadap tawaran pengambilalihan. Mereka perlu melakukan analisis terperinci dengan meneliti butiran cadangan daripada dokumen/ pekeliling tawaran serta pekeliling/ surat nasihat bebas.

- Pada 28 Mei, YTL Power International Berhad, melalui anak syarikat tidak langsung 70% miliknya iaitu SIPP Power Sdn Bhd, menawarkan 99.5 sen sesaham dalam Ranhill Utilities Berhad selepas ia memperoleh saham yang berkaitan dengan pengurus dan ketua eksekutif syarikat itu, Tan Sri Hamdan Mohamad pada harga RM405.2 juta.
- Pada 28 Mei juga, MPH Capital Berhad menyatakan bahawa pemegang saham pengawal dan pengerusinya, Tan Sri Surin Upatkoon, merancang untuk menjadikan penyedia perkhidmatan kredit itu sebuah syarikat persendirian melalui pengurangan modal terpilih berjumlah RM748.11 juta. Di bawah pembayaran balik modal yang dicadangkan oleh Tan Sri Surin Upatkoon dan keluarga beliau, yang bersama-sama mengawal 43.07% MPH, pemegang saham yang berhak akan menerima RM1.70 sesaham.

Menilai cadangan pengambilalihan

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mencadangkan supaya pemegang saham minoriti menjalankan analisis secara menyeluruh sebelum bertindak balas terhadap tawaran pengambilalihan.

Pemegang saham minoriti perlu maklum, terdapat empat kaedah utama untuk memperoleh kawalan ke atas PLC di Malaysia, sebahagian besarnya melalui (i) tawaran sukarela, (ii) tawaran mandatori, (iii) skim pengaturan (*scheme of arrangements, SOA*), dan (iv) pemerolehan aset dan liabiliti (untuk butiran lanjut, sila rujuk [Baker McKenzie "Global Public M&A Guide"](#)).

Pemegang saham hendaklah menjalankan analisis komprehensif dengan meneliti butiran cadangan dalam kedua-dua dokumen/ Pekeliling tawaran dan Pekeliling Nasihat Bebas (*Independent Advice Circular, IAC*)/ Surat Nasihat Bebas (*Independent Advice Letter, IAL*).

Di bawah Perenggan 3.06 Peraturan Pengambilalihan, Penggabungan dan Pemerolehan Wajib, lembaga pengarah penerima tawaran hendaklah melantik penasihat bebas (*independent adviser, IA*) untuk memberikan ulasan, pendapat, maklumat dan cadangan mengenai tawaran pengambilalihan yang dinyatakan dalam Pekeliling Nasihat Bebas/ Surat Nasihat Bebas.

Dokumen ini hendaklah mengandungi semua maklumat, ulasan, pendapat dan cadangan daripada penasihat bebas berkenaan, sama ada harga tawaran pengambilalihan adalah adil atau munasabah, bagi membolehkan pemegang saham yang berkenaan membuat keputusan termaklum mengenai tawaran tersebut.



Berikut ialah tindakan selanjutnya bagi pemegang saham minoriti sebaik sahaja dokumen/ Pekeliling tawaran dan Pekeliling Nasihat Bebas/ Surat Nasihat Bebas disediakan (tanpa mengikut susunan tertentu):

Selidik sebelum bertindak balas: Pekeliling Nasihat Bebas/ Surat Nasihat Bebas perlu dibaca dengan teliti. Pemegang saham minoriti perlu memahami sebab-sebab pemberi tawaran membuat tawaran pengambilalihan berkenaan.

Biasanya, Pekeliling Nasihat Bebas/ Surat Nasihat Bebas hendaklah menyatakan, tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut:

- Rasional tawaran itu dibuat
- Penilaian saham penerima tawaran – adakah harga tawaran itu adil dan munasabah?
- Penasihat bebas akan memilih metodologi penilaian yang paling sesuai untuk menilai tawaran itu.
- Justifikasi jangka panjang pemberi tawaran untuk tawaran pengambilalihan itu
- Hasrat pemberi tawaran berhubung syarikat penerima tawaran dan para pekerjaanya
- Status penyenaraian penerima tawaran
- Pandangan penasihat bebas dan syor mereka kepada pemegang saham sama ada untuk menerima atau menolak tawaran itu berdasarkan kesaksamaan dan kewajaran tawaran pengambilalihan itu

Menilai status penyenaraian penerima tawaran: Pemegang saham perlu memahami hasrat pemberi tawaran berhubung status penyenaraian penerima tawaran kerana ini akan menentukan pilihan yang tersedia untuk mereka apabila mempertimbangkan tawaran pengambilalihan tersebut.

Jika pemberi tawaran berhasrat untuk mengekalkan status penyenaraian penerima tawaran, pemegang saham sentiasa boleh merealisasikan pelaburan mereka pada harga pasaran semasa selepas tarikh tutup. Walau bagaimanapun, harga dan volum dagangan tidak dijamin akan kekal sama.

Sebaliknya, pemegang saham mempunyai pilihan yang terhad jika pemberi tawaran bertujuan untuk menjadikan syarikat itu syarikat persendirian dan tidak akan menangani kekurangan dalam tebaran pegangan saham awam. Mereka mungkin akan memegang saham dalam entiti tidak tersenarai sekiranya mereka memilih untuk tidak menerima tawaran itu.

Namun, terdapat juga kes seperti FGV Holdings Berhad (FGV), yang menyaksikan pemberi tawaran cuba menjadikan syarikat itu syarikat persendirian pada 28 Disember 2020; dalam notisnya kepada pemegang saham ada menyebut bahawa mereka tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaraian FGV. Namun begitu, pemberi tawaran tidak berjaya menjadikan FGV syarikat persendirian, maka FGV kekal tersenarai namun berdepan ketidakpatuhan berhubung tebaran pegangan saham awam di bawah Perenggan 8.02(1) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Selepas itu, pada 28 Ogos 2023, Lembaga Pengarah mengumumkan hasrat mereka untuk menangani ketidakpatuhan FGV berhubung syarat tebaran awam.

Fahami nasihat dan cadangan daripada pengarah bebas syarikat penerima tawaran: Di bawah cadangan pengurangan modal terpilih dan pelaksanaan pembayaran balik ('cadangan SCR'), tawaran itu akan dikemukakan kepada lembaga pengarah (BoD, kecuali pengarah yang berkepentingan) untuk pertimbangan mereka.

Selepas itu, syarikat akan memutuskan sama ada untuk melaksanakan Cadangan SCR, untuk pertimbangan dan kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung

luar biasa. Lembaga Pengarah berhak melontarkan pertanyaan untuk memuaskan hati mereka serta memastikan pemberi tawaran boleh melaksanakan tawaran tersebut.

Kemudian, dalam pekeliling kepada pemegang saham yang berhak, Lembaga Pengarah hendaklah membuat kenyataan sama ada tawaran SCR itu adalah adil, munasabah dan dibuat demi kepentingan terbaik syarikat. Mereka hendaklah mengesyorkan kepada pemegang saham syarikat yang berhak sama ada mereka patut mengundi memihak untuk menerima Tawaran SCR itu.

Lembaga Pengarah juga akan memberikan cadangan mereka untuk tawaran pengambilalihan kepada pemegang saham.

Menilai kesaksamaan dan kemunasabahan tawaran: Dalam kes tawaran pengambilalihan (sama ada secara sukarela atau mandatori), apabila dokumen tawaran diterima daripada pemberi tawaran, lembaga pengarah penerima tawaran hendaklah melantik penasihat bebas untuk memberikan ulasan, pendapat, maklumat dan cadangan berhubung tawaran pengambilalihan itu dalam Pekeliling Nasihat Bebas.

Penasihat Bebas hendaklah bertanggungjawab ke atas semua ulasan, pendapat, maklumat dan cadangan yang dizahirkan dalam Pekeliling Nasihat Bebas.

Penasihat Bebas hendaklah menentukan maklumat yang diperlukan bagi membentuk pandangan, pendapat dan cadangan mereka mengenai transaksi pengambilalihan atau penggabungan. Sementara itu, penerima tawaran hendaklah memberikan akses penuh kepada premis dan dokumen yang berkaitan kepada Penasihat Bebas supaya Penasihat Bebas dapat melaksanakan tugasnya.

Kesimpulan

Kami menggesa pemegang saham minoriti supaya menjalankan analisis mereka secara komprehensif dengan meneliti butiran terperinci setiap cadangan dalam dokumen/ Pekeliling tawaran/ serta Pekeliling Nasihat Bebas/ Surat Nasihat Bebas.

Kita tidak sepatutnya bergantung semata-mata pada khabar angin daripada figura media sosial atau pun pimpengaruh, pengulas dan penulis blog yang tidak berlesen dan tidak berkelayakan. Rujuklah penasihat kewangan yang profesional jika pemegang saham minoriti mempunyai sebarang keraguan tentang tindakan yang perlu diambil berhubung sebarang tawaran pengambilalihan.

Seperti biasa, pemegang saham minoriti perlu membuat keputusan pelaburan termaklum sendiri mengikut kesanggupan mereka mengambil risiko. Keputusan di tangan anda.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 10 hingga 14 Jun 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini. Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
MI Technovation Berhad (AGM)	<p>Mengorak langkah dalam Pelan Hala Tuju Lima Tahun kedua untuk tahun kewangan 2024 hingga tahun kewangan 2028, Kumpulan akan menumpukan pada pelaksanaan pengurusan modal yang cekap bagi menyokong pembangunan unit perniagaan utama dan pelbagai syarikat dengan memupuk kemajuan inovasi yang berterusan. Kumpulan meramalkan bahawa transformasi organisasi ini akan mengukir sejarah sebagai perjalanan yang belum pernah berlaku sebelum ini dalam syarikat melalui percubaan berani untuk pertumbuhan organisasi berskala besar. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sila berikan butiran lanjut mengenai Pelan Hala Tuju Lima Tahun kedua Kumpulan. Apakah strategi khusus yang akan dilaksanakan? b) Apakah sasaran khusus yang ditetapkan dari perspektif prestasi kewangan? c) Apakah perancangan pelaburan atau perbelanjaan modal utama di bawah pelan hala tuju ini?
Pekat Group Berhad (AGM)	<p>Penghutang perdagangan dan kredit aset kontrak Kumpulan yang terjejas yang telah lampau tempoh melebihi 90 hari meningkat daripada RM9.6 juta pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada RM11.0 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (Halaman 150, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah kesulitan yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu mengutip penghutang perdagangan yang tertunggak melebihi 90 hari, memandangkan jumlah ini meningkat? b) Siapakah pelanggan yang membentuk kategori ini (90 hari lewat tempoh) dalam penghutang Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023, dan apakah profil mereka? c) Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip sehingga kini?

Perkara penting:	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Syarikat	
GDEX Berhad (AGM)	<p>1. Dua orang daripada Pengurusan Utama Kumpulan telah meletak jawatan pada 2024 iaitu Encik Lim Chee Seong, Ketua Pegawai Kewangan yang meletak jawatan pada 28 Mei 2024 dan Encik Lee Kah Hin, Ketua Pegawai Pelaburan yang meletak jawatan pada 25 Februari 2024.</p> <p>Sejauh manakah kesan peletakan jawatan dua pemegang jawatan Pengurusan Utama ini kepada Kumpulan? Apakah perancangan penggantian Kumpulan berhubung peletakan jawatan ini?</p> <p>2. Pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas, GHG) Kumpulan (dalam tan metrik setara karbon dioksida, tCO2e) meningkat daripada 19,396.98 tCO2e pada tahun kewangan 2022 kepada 20,211.19 tCO2e pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini dicatatkan dalam Skop 1 (kenderaan Syarikat) dan Skop 2 (Penggunaan tenaga). (Halaman 61, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) GDEX secara proaktif sedang menggantikan trak satu tan dan tiga tan dengan model yang lebih ringan dan lebih jimat bahan api bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (halaman 62, Laporan Tahunan 2023). Berapakah jumlah bilangan trak yang perlu digantikan dan bilakah tarikh penggantiannya?</p> <p>b) Penggunaan diesel Kumpulan berjumlah 6,697,657.54 liter pada tahun kewangan 2023, lebih tinggi sedikit berbanding 6,522,459 liter diesel yang digunakan pada tahun kewangan 2022 (halaman 62, Laporan Tahunan 2023). Dengan pengumuman baru-baru ini oleh Kerajaan mengenai rasionalisasi subsidi diesel, sejauh manakah ia memberi kesan kepada Kumpulan? Apakah perancangan Kumpulan untuk penggunaan kenderaan elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>) yang lebih meluas?</p>
Far East Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Penanaman semula</u></p> <p>Pada tahun kewangan 2023, seluas 179.30 hektar (443.05 ekar) telah ditanam semula dan ini mencerminkan usaha berterusan Kumpulan untuk menambah baik profil usia tanamannya serta mencapai hasil yang lebih bagus. Pada tahun 2024 hingga 2028, seluas 993.92 hektar</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>(2,455.98 ekar) dijadualkan untuk penanaman semula (Halaman 46, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah perkembangan pelaksanaan penanaman semula yang sedang dijalankan? b) Berapa hektar yang dijangka akan diliputi dan berdasarkan keadaan ekonomi semasa, termasuk kesan inflasi, berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kumpulan bagi menyelesaikan jadual penanaman semula ini untuk tahun kewangan 2024?
Supercomnet Technologies Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, kira-kira RM12.87 juta daripada pendapatan disumbangkan oleh segmen automotif (tahun kewangan 2022: RM15.89 juta). Segmen ini terkesan oleh pesanan yang berkurangan. Bagaimanapun, penurunan permintaan ini dijangka hanya sementara. (Halaman 27, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sila berikan butiran lanjut mengenai pengurangan sementara dalam pesanan dan nyatakan bilakah Kumpulan menjangkakan pesanan ini akan kembali ke paras normal? b) Pada masa ini, segmen automotif hanya mempunyai satu pelanggan iaitu Stellantis untuk jenama Peugeot. Adakah Kumpulan mempunyai sebarang rancangan untuk mempelbagaikan pangkalan pelanggannya bagi mengurangkan risiko penumpuan?
Genting Malaysia Berhad (AGM)	<p>“Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk mengurangkan kesan alam sekitar, Kumpulan sedang menyemak semula dan memuktamadkan rancangan untuk memperkenalkan inisiatif pengurusan tenaga baharu di RWG, yang merangkumi pemasangan bumbung solar di harta tanah yang berdaya maju serta pelaksanaan sistem penyejukan district (<i>district cooling</i>) untuk resort.” (Halaman 43, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>Sila berikan gambaran keseluruhan portfolio tenaga semasa Kumpulan, dengan menyatakan secara terperinci bahagian sumber tenaga boleh diperbaharui berbanding elektrik grid. Adakah Kumpulan menetapkan sebarang sasaran dan garis masa khusus untuk objektif campuran tenaga masa hadapan?</p>
Time dotCom Berhad (AGM)	Banyak syarikat semakin menumpukan terhadap sasaran pengurangan pelepasan, neutraliti karbon, serta

Perkara penting: Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>mencapai kawasan berstatus sifar bersih disebabkan kesedaran yang semakin meningkat tentang perubahan iklim dan keperluan untuk amalan kelestarian.</p> <p>Sebagai sebuah syarikat telekomunikasi besar, apakah rancangan Kumpulan berkaitan sasaran pengurangan pelepasan, neutraliti karbon serta usaha untuk mencapai status sifar bersih?</p>
BCM Alliance Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah menambah pelaburannya dalam saham disebut harga kepada RM8.86 juta pada 31 Disember 2023, daripada RM2.57 juta pada akhir 2022 sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mendorong nilai bagi pemegang saham dalam jangka masa panjang. Walaupun BCM mengalami kerugian pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh yang meletakkannya pada kedudukan yang menggalakkan untuk memanfaatkan pemulihian ekonomi serta mengurangkan risiko penurunan dengan portfolio Kumpulan yang pelbagai dan berdaya tahan. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila berikan pecahan bagi kerugian direalisasi dan tidak direalisasi ke atas saham disebut harga untuk tahun kewangan 2023.</p> <p>b) Apakah jenis saham disebut harga yang dipegang dan nilai masing-masing pada 31 Disember 2023?</p> <p>c) Berapa lamakah tempoh pegangan purata bagi saham tersiar harga sebelum ini?</p> <p>d) Berapa lamakah Kumpulan dijangka memegang baki saham disebut harga itu?</p>
Favelle Favco Berhad (AGM)	<p>Pada AGM ke-31 Kumpulan, pihak pengurusan/ lembaga menyatakan bahawa strategi FFB untuk enam (6) hingga dua belas (12) bulan akan datang adalah untuk mengembangkan perniagaan mereka ke negara baharu, mencipta lebih banyak model kren, memasuki segmen baharu dan mencari pemerolehan baharu atau peluang pelaburan baharu bagi memacu pertumbuhan Kumpulan.</p> <p>a) Negara manakah yang menjadi pilihan FFB untuk mengembangkan perniagaannya sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhan dalam tempoh enam hingga dua belas bulan yang lalu?</p>

Perkara penting:															
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan														
	<p>Apakah faktor pendorong di sebalik keputusan untuk meluaskan perniagaan ke negara-negara ini?</p> <p>b) Apakah segmen pasaran baharu yang dimasuki FFB baru-baru ini? Apakah faktor yang mempengaruhi keputusan untuk mencebur segmen ini dan bagaimanakah ia sejajar dengan objektif keseluruhan Kumpulan?</p> <p>c) Adakah terdapat sebarang pelaksanaan pengambilalihan atau pelaburan yang dipertimbangkan oleh FFB untuk mempermudah strategi pertumbuhannya? Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai sasaran pemerolehan atau peluang pelaburan yang berpotensi? Adakah mana-mana sasaran ini telah dikenal pasti?</p>														
Chin Hin Group Berhad (AGM)	<p>1. Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mengumpul dana berjumlah RM449.8 juta melalui pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang yang mewakili 14.2% daripada jumlah aset Kumpulan pada akhir tahun kewangan 2023.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Peningkatan pendahuluan daripada pengarah</td> <td>89,344</td> </tr> <tr> <td>Peningkatan dalam pinjaman</td> <td>238,653</td> </tr> <tr> <td>Penerbitan Nota Jangka Sederhana Kekal (Medium-Term Notes, MTN)</td> <td>30,000</td> </tr> <tr> <td>Chin Hin Group Property Berhad (CHGP) - Penempatan persendirian</td> <td>86,672</td> </tr> <tr> <td>CHGP – Penukaran waran</td> <td>5,159</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>449,828</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Rujuk halaman 117, 219 dan 186 dalam Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila huraikan keperluan untuk pembiayaan ini dan cara dana itu digunakan.</p> <p>b) Kumpulan menerbitkan MTN kekal berjumlah RM30 juta dengan kadar faedah yang tinggi sebanyak 7.5% setahun. Pada masa yang sama, Kumpulan juga menerima pendahuluan sebanyak RM89.3 juta daripada para pengarahnnya. Adakah Kumpulan menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pinjaman daripada bank? Jika tidak, sila jelaskan sebab untuk mendapatkan pembiayaan daripada pengarah Syarikat.</p>		RM'000	Peningkatan pendahuluan daripada pengarah	89,344	Peningkatan dalam pinjaman	238,653	Penerbitan Nota Jangka Sederhana Kekal (Medium-Term Notes, MTN)	30,000	Chin Hin Group Property Berhad (CHGP) - Penempatan persendirian	86,672	CHGP – Penukaran waran	5,159	Jumlah	449,828
	RM'000														
Peningkatan pendahuluan daripada pengarah	89,344														
Peningkatan dalam pinjaman	238,653														
Penerbitan Nota Jangka Sederhana Kekal (Medium-Term Notes, MTN)	30,000														
Chin Hin Group Property Berhad (CHGP) - Penempatan persendirian	86,672														
CHGP – Penukaran waran	5,159														
Jumlah	449,828														

Perkara penting:													
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan												
	<p>2. Pelaburan lain Kumpulan meningkat secara mendadak daripada RM10.5 juta pada akhir tahun kewangan 2022 kepada RM267.9 juta pada akhir tahun kewangan 2023, mewakili 8.5% daripada jumlah aset Kumpulan. Khususnya, unit amanah dan saham disebut harga masing-masing berjumlah RM21.9 juta dan RM239.9 juta. (Halaman 194, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Sila nyatakan rasional untuk menggunakan sebahagian besar sumber kewangan Kumpulan dalam pelaburan ini, terutamanya saham yang disebut harga, memandangkan Kumpulan telah berada dalam kedudukan aliran tunai operasi yang negatif. Mengapakah Kumpulan tidak mengutamakan pembayaran balik pinjaman?</p> <p>b) Dalam negara manakah Kumpulan membuat pelaburan dalam unit amanah dan saham disebut harga?</p>												
Muhibbah Engineering (M) Bhd (AGM)	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>RM'000 2023</th> <th>RM'000 2022</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keuntungan operasi Kumpulan*</td> <td>3,710</td> <td>25,510</td> </tr> <tr> <td>Tolak: Keuntungan operasi Favco#</td> <td>(84,532)</td> <td>(59,731)</td> </tr> <tr> <td>Kerugian operasi tidak termasuk Favco</td> <td>(80,822)</td> <td>(34,221)</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Rujuk halaman 58, Laporan Tahunan 2023 # Rujuk halaman 54, Laporan Tahunan 2023 Favco</p> <p>Jika dikecualikan keuntungan operasi daripada Favelle Favco Berhad (Favco), sebuah anak syarikat tersenarai Syarikat yang terlibat dalam bahagian Kren dan Automasi Pintar, Kumpulan sebenarnya mengalami kerugian operasi sebanyak RM80.8 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM34.2 juta). Kerugian ini menunjukkan prestasi yang lemah dalam bahagian yang selebihnya, iaitu bahagian Pembinaan & Kejuruteraan serta bahagian Marin.</p> <p>a) Sila huraikan sebab-sebab prestasi yang kurang memberangsangkan dalam bahagian Pembinaan & Kejuruteraan serta bahagian Marin.</p> <p>b) Apakah prospek untuk bahagian yang kurang berprestasi sepanjang tahun 2024 yang masih</p>		RM'000 2023	RM'000 2022	Keuntungan operasi Kumpulan*	3,710	25,510	Tolak: Keuntungan operasi Favco#	(84,532)	(59,731)	Kerugian operasi tidak termasuk Favco	(80,822)	(34,221)
	RM'000 2023	RM'000 2022											
Keuntungan operasi Kumpulan*	3,710	25,510											
Tolak: Keuntungan operasi Favco#	(84,532)	(59,731)											
Kerugian operasi tidak termasuk Favco	(80,822)	(34,221)											

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
WCT Holdings Berhad (AGM)	<p>berbaki? Apakah pelan tindakan yang diambil untuk meningkatkan pendapatan?</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, Bahagian Kejuruteraan dan Pembinaan mencatatkan pendapatan dan kerugian operasi masing-masing berjumlah RM1.15 bilion (tahun kewangan 2022: RM1.47 bilion) dan RM219.8 juta (tahun kewangan 2022: keuntungan operasi RM47.7 juta). Pendapatan yang lebih rendah pada tahun semasa sebahagian besarnya disebabkan oleh kemajuan pembinaan yang lebih perlahan, manakala kerugian operasi berpunca daripada margin projek yang diturunkan akibat pemanjangan masa serta peningkatan kos bahan dan kos buruh. Margin yang lebih rendah membawa kepada pembalikan keuntungan yang telah diakru daripada pelbagai projek. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sila berikan butiran lanjut tentang projek yang tertakluk pada pembalikan keuntungan. b) Adakah Kumpulan bertanggungjawab untuk pemanjangan tempoh projek dan adakah terdapat klausa peningkatan untuk kos bahan dan kos buruh dalam kontrak? c) Adakah Kumpulan telah mengemukakan tuntutan tambahan yang berkaitan pemanjangan tempoh projek serta peningkatan kos bahan dan kos buruh kepada pelanggannya?
Coastal Contracts Bhd (AGM)	<p>Bagi carter unit perkhidmatan pemampatan gas jack-up (<i>jack-up gas compression service unit, JUGCSU</i>), penyewa telah membuat permohonan penggantungan sementara penyewaan kapal kosong di bawah kontrak semasa mulai 27 November 2023 dan seterusnya sehingga penyewa berjaya memuktamadkan terma dan syarat lanjutan kontrak sedia ada/ kontrak baharu dengan Pemex. (Halaman 15, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah sebab penggantungan sementara oleh penyewa? b) Apakah status terkini carter JUGSCU ini? c) Adakah Kumpulan menjangkakan lanjutan kontrak yang sedia ada dengan penyewa?

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>d) Berapakah sumbangan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai daripada JUGCSU pada tahun kewangan 2023?</p>
Capital A Berhad (AGM)	<p>1. "Cadangan untuk melupuskan perniagaan penerbangan dan cadangan penggabungan perniagaan dengan Aetherium untuk mewujudkan Capital A International (CAPI) hanyalah langkah pertama yang sedang diterokai dalam usaha kami untuk merungkai nilai pemegang saham dan kami juga melihat ke hadapan untuk lebih banyak kemungkinan."</p> <p>"Bagi tiga perniagaan yang selebihnya, kami menasarkan untuk melaksanakan prosedur korporat bagi merungkai nilai mereka, tertakluk pada keadaan pasaran yang kondusif dan kelulusan yang diperlukan. Move Digital, Teleport dan CAAS mungkin melihat kemungkinan penyenaraian secara berasingan (<i>spin-off listing</i>) atau pelaksanaan penggabungan dan pemerolehan (<i>merger and acquisition, M&A</i>) dan perniagaan terakhir yang kekal akan mewarisi status penyenaraian Capital A Berhad" (Surat kepada pemegang saham bertarikh 30 April 2024)</p> <p>a) Apakah perniagaan dan aset khusus yang akan kekal di bawah Capital A selepas pelupusan dan pelaksanaan pelbagai prosedur korporat yang dijalankan untuk merungkai nilainya?</p> <p>b) Bagaimanakah kedudukan perniagaan yang selebihnya bagi memastikan pertumbuhan dan keuntungan yang mampan?</p> <p>2. Bursa Malaysia Securities Berhad telah memberi tempoh lanjutan kepada Syarikat sehingga 30 Jun 2024 bagi menyerahkan pelan penyusunan semula mereka kepada pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.</p> <p>Syarikat mempunyai masa kurang dari sebulan untuk mengemukakan pelan penyusunan semula mereka. Adakah Syarikat berada di landasan yang betul untuk membuat penyerahan sebelum tarikh yang ditetapkan?</p>
Genting Berhad (AGM)	TauRx sedang berusaha mendapatkan penyerahan dan interaksi kawal selia untuk produk anti-tau oral syarikat

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>iaitu hidromethylthionine mesilat (<i>hydromethylthionine mesylate</i>, HMTM) bagi mendapatkan kelulusan kawal selia di AS, UK dan wilayah lain.</p> <p>Segmen “pelaburan & lain-lain” merekodkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, taxes, depreciation, and amortization</i>, EBITDA) negatif selepas diselaraskan, berjumlah RM484.9 juta (Halaman 132, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>Berapakah yang telah dilaburkan dalam TauRx setakat ini? Berapa banyak lagi pelaburan yang diperlukan sebelum HMTM boleh dikomersialkan?</p>
Lii Hen Industries Bhd (AGM)	<p>Sebagai salah satu pengeksport utama ke Amerika Syarikat, operasi Kumpulan terjejas disebabkan permintaan pengguna yang merosot sejak 2022. Pengimport, pengedar, pemborong dan peruncit A.S. mengambil pendekatan berhati-hati dalam tahap pegangan stok mereka bagi mengelakkan situasi lebihan stok, apabila timbulnya bibit-bibit akan berlaku kegawatan ekonomi yang memburukkan lagi sentimen perniagaan. Inflasi yang tinggi serta penurunan dalam pendapatan boleh guna menghalang pengguna daripada membeli barang berharga tinggi seperti perabot. Akibatnya, semua produk Kumpulan mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun semasa dalam tinjauan (Halaman 4, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Sejauh manakah faktor yang dinyatakan di atas menjelaskan pertumbuhan produk LHIB pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Apakah tempahan semasa untuk produk Kumpulan? Adakah pesanan semasa lebih rendah atau lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya?</p>
Mudajaya Group Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan peningkatan ketara dalam pendapatan, iaitu sebanyak 51% kepada RM460.7 juta berbanding RM305.2 juta setahun lalu. Peningkatan ini sebahagian besarnya diperoleh daripada penyatuan sumbangan pendapatan setahun penuh daripada Real Jade, yang berjaya mencatatkan pendapatan berjumlah RM251.8 juta atau 55% daripada jumlah pendapatan Kumpulan untuk tahun tersebut. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2023)</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>a) Berapakah sumbangan keuntungan atau kerugian bersih Real Jade kepada Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Jika Real Jade tidak mencapai sasaran keuntungan selepas cukai tahunan dalam julat antara RM48 juta hingga RM60 juta seperti yang dibentangkan dalam EGM pada 20 Oktober 2022, sila berikan sebabnya.</p> <p>b) Sila berikan ulasan operasi dan kewangan Real Jade untuk tahun kewangan 2023 dan unjurannya untuk tahun kewangan 2024.</p>
Pegasus Heights Berhad (AGM)	<p>Pada tahun 2023, Kumpulan menghadapi pelbagai cabaran yang membawa kepada peningkatan kos secara menyeluruh. (Halaman 4, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila senaraikan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023.</p> <p>b) Adakah Kumpulan berjaya mengatasi sesetengah atau kesemua cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023? Sila nyatakan cabaran yang berjaya ditangani oleh Kumpulan.</p> <p>c) Apakah jangkaan prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 selepas mengatasi sesetengah atau kesemua cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan pada tahun lepas?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuhan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.